

Perpaduan kaum kunci negara harmoni, stabil

PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak baru-baru menga-riskan empat impiannya untuk Ma-laysia dan komited bagi mereali-sasikannya demi masa depan ne-gara yang lebih baik. Impian berkenaan untuk melihat negara lebih aman, selamat serta harmoni selain rakyat memperoleh penda-patan lebih tinggi menerusi pro-gram transformasi bandar serta luar bandar.

Beliau juga mengimpikan mewu-judkan peluang lebih baik kepada rakyat di bawah langit biru IMa-laysia bersama rakannya dalam Ba-risan Nasional (BN) yang sentiasa komited membantu rakyat serta mengetuai usaha mewujudkan Ma-laysia yang lebih baik dan kukuh demi generasi masa depan.

Ini boleh dikatakan bukan saja impian Najib malah, menjadi im-pian seluruh rakyat di negara ini. Rakyat secara keseluruhannya ma-hu terus kekal aman dan selamat serta menikmati pendapatan lebih kompetitif di bumi tercinta.

Perkara ini tidak mustahil untuk dicapai melalui perkongsian kuasa dan kekayaan antara semua kaum di negara ini atas dasar pemua-fakatan, tolak ansur serta ikatan perpaduan yang kukuh.

Sejak merdeka, negara kita su-dah melalui pelbagai transformasi dalam segenap bidang sehingga kita digelar negara membangun yang cukup berjaya. Kestabilan politik daripada perkongsian kuasa dan ke-harmonian kaum serta pencapaian ekonomi memberangsangkan men-jadi penyumbang utama kepada ha-sil pencapaian dan kejayaan kita selama ini.



● GAMBAR HIASAN

KEHARMONIAN antara kaum di Malaysia mendapat pengiktirafan negara luar.

Ringkasnya, perpaduan kaum menjadi inti pati utama dan kunci kejayaan Malaysia selama ini.

Apaa yang ada pada hari ini adalah hasil usaha nenek moyang kita yang meletakkan batu asas kukuh sebagai legasi dan warisan menjadi panduan serta pegangan hidup ge-nerasi sekarang.

Kontrak sosial dan Perlembagaan ditinggalkan kepada kita sebagai panduan dan rukun hidup majmuk dalam masyarakat pelbagai bangsa, agama dan budaya.

Ternyata gabungan ramuan mu-jarab antara kontrak sosial dan Perlembagaan membuahkan hasil

cukup menggalakkan sekian lama. Buktinya sejak merdeka kita terus melangkah maju ke hadapan meni-niti pelbagai kejayaan menakjub-kan.

Malah, seluruh dunia mengagu-mi pencapaian luar biasa kita serta mengakui kehebatan pemimpin membawa perubahan mendadak se-cara konsisten.

Kita juga terus diakui antara ne-gara Islam yang dihuni rakyat pel-bagai kaum terbaik dan wajar di-jadikan contoh.

Ternyata perpaduan kaum yang ampuh menyumbang kepada kes-tabilan politik, pertumbuhan eko-

nomi mapan serta mewujudkan ke-hidupan aman, selamat dan damai. Maka ramuan terbaik untuk men-capai impian besar Najib sudah se-mestinya berlandaskan perpaduan kaum yang berpaksikan kontrak so-sial dan Perlembagaan.

Namun, persoalan timbul muta-khir ini apakah tahap perpaduan kaum kita masih kental dan boleh menjadi benteng pertahanan dan kejayaan negara?

**NOOR MOHAMAD
BIN SHAKIL HAMEED,**
Universiti Putra Malaysia (UPM).